PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2007

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi terus mencatat pertumbuhan mampan

Ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan mampan pada suku kedua 2007, dengan KDNK benar meningkat 5.7% (S1: 5.5%). Pertumbuhan pada suku ini didorong oleh aktiviti sektor swasta yang terus berdaya tahan dan turut disokong oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Prestasi kukuh sektor perkhidmatan yang berterusan dan aktiviti sektor perlombongan dan pembinaan yang meningkat menyokong pertumbuhan pada suku kedua.

Pertumbuhan Mampan pada Suku Kedua 2007 (pada harga malar tahun 2000)



Sektor perkhidmatan berkembang 9.2% pada suku kedua (S1: 9.7%). Sektor ini terus meraih manfaat daripada aktiviti kewangan dan perniagaan yang meningkat dan juga prestasi pasaran saham yang menggalakkan serta permintaan yang bertambah terhadap perkhidmatan berkaitan komputer dan profesional. Subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran pula mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku ini berikutan perbelanjaan pengguna dalam negeri yang kukuh serta aktiviti pelancongan yang memberangsangkan. Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi juga mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku ini dipacu oleh aktiviti dalam segmen pengangkutan dan telekomunikasi yang kukuh. Sektor pembinaan terus berkembang pada suku ini (4.8%; S1: 4%), didorong oleh permulaan projek-projek baharu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan disokong juga oleh aktiviti dalam sektor bukan kediaman. Dalam sektor perlombongan, pertumbuhan sebanyak 7.7% (S1: -0.6%) ialah hasil daripada pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran gas asli yang meningkat dengan ketara pada suku ini disokong oleh permintaan yang kian bertambah daripada syarikat penjana elektrik tempatan dan permintaan luar, khususnya dari Jepun dan Korea, terhadap gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG).

Meskipun pengeluaran industri berorientasikan eksport merosot pada suku kedua terutamanya disebabkan oleh prestasi industri elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E & E) yang lembap, sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.5% pada suku ini (S1: 2%). Pertumbuhan ini mencerminkan peningkatan dalam industri berorientasikan dalam negeri terutamanya ekoran permintaan kukuh terhadap bahan berkaitan pembinaan seiring dengan aktiviti pembinaan dalam negeri yang meningkat. Sementara itu, sektor pertanian menguncup 0.9% pada suku kedua (S1: 2.2%) berikutan kemerosotan pengeluaran minyak sawit mentah yang disebabkan hasil yang lebih rendah memandangkan aktiviti tuaian terjejas oleh cuaca buruk.

Permintaan dalam negeri berkembang kukuh pada suku kedua (10.8%; S1: 8.7%), disokong oleh aktiviti sektor swasta dan perbelanjaan pelaburan awam yang terus meningkat. Perbelanjaan penggunaan swasta lebih kukuh (13.1%; S1: 8.6%) disokong oleh peningkatan mampan dalam pendapatan boleh guna dan keadaan pasaran pekerjaan yang stabil serta kenaikan harga komoditi. Di samping itu, prestasi pasaran saham yang menggalakkan telah memperkukuh sentimen pengguna pada suku ini. Sementara itu pembentukan modal tetap kasar berkembang 6.6% pada suku kedua (S1: 9.9%), berikutan aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta dan awam yang berterusan. Perbelanjaan pembangunan kerajaan pada suku ini ditumpukan pada projek-projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi, terutamanya bagi pertanian dan pembangunan luar bandar serta menaik taraf dan membina infrastruktur yang berkaitan dengan pengangkutan dan kemudahan awam. Aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta pula berkembang dengan stabil, khususnya dalam sektor perkilangan dan pembinaan serta sektor huluan minyak dan gas, disokong oleh keadaan perniagaan yang lebih baik.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna terus menjadi sederhana, berpurata 1.5% pada suku kedua 2007 (S1: 2.6%). Kadar ini merupakan kadar terendah pernah dicatat sejak suku ketiga 2004.

Dalam sektor luaran, akaun perdagangan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM22.5 bilion (S1: RM21.1 bilion). Sementara eksport kasar meningkat 1.2% pada suku kedua (S1: 1%), mencerminkan eksport komoditi utama yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga, peningkatan import kasar pula menjadi sederhana kepada 1.7% (S1: 5.5%). Eksport pertanian khususnya, menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan pada suku ini dipacu oleh pertumbuhan kukuh eksport minyak sawit berikutan kenaikan dua angka dalam harga eksportnya. Faktor yang menyumbang kepada kenaikan ketara harga minyak sawit termasuklah permintaan global yang terus meningkat terhadap minyak sawit ekoran pengeluaran dan stok dalam negeri yang semakin berkurang pada suku ini, kenaikan harga minyak kacang soya dan keputusan India untuk mengurangkan tarifnya atas import minyak sawit agar hampir sama dengan tarif atas import minyak kacang soya. Eksport galian juga meningkat pada suku kedua disebabkan keseluruhannya oleh kenaikan eksport LNG berikutan permintaan yang meningkat oleh pembeli utama dan harga yang lebih tinggi. Pertumbuhan eksport perkilangan agak lembap pada suku kedua kerana eksport E&E yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport keluaran berasaskan sumber terus kukuh disokong terutamanya oleh keluaran kimia, petroleum dan makanan serta perabot dan kelengkapan.

Pertumbuhan import kasar yang lebih sederhana berpunca terutamanya daripada import barangan pengantara yang lebih rendah (6.3%; S1: 9%). Ini mencerminkan sebahagian besarnya pertumbuhan yang lebih perlahan dalam input yang diimport untuk eksport perkilangan sejajar dengan permintaan luar yang lebih rendah terhadap keluaran E&E. Berikutan perbelanjaan penggunaan swasta yang terus meningkat, import barangan penggunaan naik 1.3% (S1: 8.9%). Import barangan modal pula berjumlah RM16.6 bilion pada suku kedua. Tidak termasuk barangan import besar yang diimport satu kali, import barangan modal meningkat 3.8% (S1: -1.3%). Peningkatan ini mencerminkan import yang lebih tinggi bagi peralatan pembinaan dan perlombongan untuk aktiviti eksplorasi dan hiliran yang berterusan dalam sektor minyak dan gas, dan juga import jentera dan peralatan bagi aktiviti pembangunan yang lebih giat serta pengembangan kapasiti dalam sektor perkhidmatan dan pertanian.

Dalam akaun kewangan, aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (sebagaimana yang dipantau oleh Sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia yang tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk

jentera dan peralatan yang diimport), meningkat kepada RM13.6 bilion pada suku kedua (S1: RM0.8 bilion). Ini mencerminkan aliran masuk modal ekuiti yang lebih banyak ke dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan perkilangan. Pelaburan portfolio pula mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM14.5 bilion pada suku kedua (S1: RM27.4 bilion) manakala pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM7.8 bilion (S1: -RM3.8 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM339.8 bilion atau bersamaan dengan USD98.4 bilion pada akhir bulan Jun 2007. Pada 15 Ogos 2007, rizab berjumlah RM339.7 bilion atau bersamaan dengan USD98.4 bilion. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 8.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) tidak berubah pada 3.50% sepanjang suku kedua 2007 kerana paras semasa kadar dasar itu terus selaras dengan prospek jangka sederhana inflasi yang rendah dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang terus stabil pada suku itu, mencerminkan OPR yang tidak berubah. Kadar pinjaman dan deposit runcit juga secara relatif terus tidak berubah.

Pembiayaan yang dikeluarkan kepada sektor swasta lebih tinggi pada suku kedua, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.8% pada akhir suku itu. Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6%, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang 6% dan 7.2%. Pada asas tahunan, penunjuk pinjaman utama adalah lebih tinggi. Permohonan dan kelulusan pinjaman lebih tinggi dengan ketara, didorong terutamanya oleh sektor perniagaan.

M3 atau wang secara luas meningkat pada kadar tahunan sebanyak 12.6% pada akhir bulan Jun (S1: 14.2%). Aset asing bersih meningkat dengan kukuh pada suku kedua hasil daripada aliran masuk yang lebih tinggi dalam bentuk hasil eksport, pelaburan asing dan pelaburan portfolio bersih. Bank Negara Malaysia, melalui operasi pensterilannya, telah membatasi impak aliran masuk terhadap pengembangan wang secara luas lantas mengekalkan kadar pertumbuhan mampan M3.

Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran modal lebih tinggi dengan ketara dan berjumlah RM22 bilion pada suku kedua. Sejumlah besar dana tersebut diperoleh sektor swasta dalam pasaran PDS bagi aktiviti penyatuan dan pengambilalihan, aktiviti baharu dan pembiayaan semula. Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM12.4 bilion. Sementara itu, dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti rendah sedikit, iaitu sebanyak RM512 juta pada suku kedua.

Dalam keadaan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala, ringgit terus bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS pada awal suku kedua 2007 dan menambah nilai kira-kira 2% sehingga akhir bulan Mei. Walau bagaimanapun, kegawatan dalam pasaran kewangan global pada bulan Julai yang dicetuskan oleh perkembangan dalam pasaran subprima di Amerika Syarikat berkesudahan dengan mata wang serantau termasuk ringgit, menjadi lemah berbanding dengan dolar AS. Oleh itu, ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain menyusut nilai berbanding dengan dolar AS selepas menambah nilai bagi suatu tempoh yang berlanjutan sejak permulaan tahun. Namun demikian, bagi suku kedua secara keseluruhan, ringgit secara relatif tidak berubah berbanding dengan dolar AS.

Bagi tempoh 1 Julai – 28 Ogos, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau dalam julat 0.2% - 7.5%, tetapi menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (2.7%) dan won Korea (0.4%).

Daya tahan sektor perbankan terus tinggi

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan yang tinggi pada suku kedua 2007, disokong oleh permodalan yang kukuh dan keberuntungan yang lebih baik. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) terus teguh pada 13.1%, manakala keuntungan sebelum cukai sektor perbankan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 17.6% kepada RM4.5 bilion (S1: RM3.8 bilion). Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan lebih tinggi yang diperoleh melalui aktiviti berkaitan faedah dan aktiviti berasaskan fi. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan terus menurun kepada RM24.1 bilion pada akhir suku kedua (S1: RM25.6 bilion). Dengan kualiti pinjaman terus bertambah baik, nisbah NPL bersih menurun lagi kepada 4.1% daripada jumlah pinjaman bersih (S1: 4.4%).

Pertumbuhan dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2007

Pertumbuhan ekonomi global dijangka dapat dikekalkan pada paras melebihi 4% pada tahun 2007. Meskipun pertumbuhan ekonomi AS menjadi sederhana dan ketidakpastian berterusan seperti harga minyak yang tinggi dan keadaan dalam pasaran kewangan yang tidak stabil, momentum pertumbuhan yang menggalakkan dalam rantau Eropah dan Asia dijangka mengekalkan pertumbuhan global dalam tempoh masa terdekat. Keadaan kegawatan yang timbul dalam pasaran gadai janji dan kredit subprima AS baru-baru ini sehingga kini hanya terbatas pada pasaran kewangan. Meskipun pasaran kewangan dijangka terus mengalami turun naik, asas-asas kukuh yang wujud di Malaysia akan terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Penunjuk masa hadapan bagi Malaysia terus menjurus kepada prestasi pertumbuhan yang lebih baik pada separuh tahun kedua. Peningkatan indeks enam bulan terlicin bagi penunjuk utama bertambah pesat daripada 6.7% pada bulan April kepada 9.2% pada bulan Mei 2007. Faktor yang terus menyokong permintaan dalam negeri termasuk penggunaan swasta dan perbelanjaan pelaburan yang kukuh serta penambahan perbelanjaan pembangunan Kerajaan berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) bagi suku kedua terus melebihi paras ambang 100 mata bagi suku kelima berturut-turut. Penggunaan swasta dijangka disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, pertumbuhan berterusan dalam pendapatan boleh guna dan harga komoditi yang kukuh. Pelaburan swasta pula dijangka berkembang pada kadar yang mampan. Indeks Keadaan Perniagaan MIER juga meningkat dengan ketara kepada 122.1 mata pada suku kedua (S1: 105.5 mata), menunjukkan sentimen perniagaan yang bertambah baik. Dari segi prestasi sektor, pertumbuhan dijangka disokong oleh peningkatan selanjutnya dalam sektor perkhidmatan, perlombongan dan pembinaan, manakala sektor perkilangan dijangka meraih manfaat daripada pemulihan beransur-ansur dalam industri elektronik.